

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
(KUALA PILAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK [ KUALA PILAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pencapaian Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang merupakan instrumen penting Dasar Ekonomi Baru sehingga ke hari ini. Apakah terdapat perancangan bagi penubuhan beberapa institusi baru dalam melakar sejarah negara dan memberi impak positif kepada rakyat seperti PNB.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kejayaan-kejayaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam usaha menjayakan semangat

Dasar Ekonomi Baru adalah seperti berikut:

**i. Penggembangan simpanan Bumiputera**

Sehingga kini PNB telah menggembangkan simpanan Bumiputera melalui tabung-tabung amanahnya seperti Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Didik, Amanah Saham 1Malaysia dan Amanah Saham Bumiputera 2 yang mana sehingga 31 Disember 2015 jumlah aset keseluruhan dibawah pengurusan PNB telah mejangkau lebih RM268 bilion. Ini bersamaan dengan 15.6% jumlah nilai pasaran Bursa Malaysia.

**ii. Meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera**

Dana terkumpul ini membolehkan PNB untuk melabur dalam lebih 150 syarikat di Malaysia serta menguasai kepentingan syarikat-syarikat terkemuka di dalam pelbagai sektor strategik, antaranya:

**a. Perkhidmatan kewangan : Malayan Banking Berhad, MNRB Holdings**

Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, PFM Capital Holdings Sdn Berhad

- b. **Perlادangan** : Sime Darby Berhad
- c. **Hartanah** : Sime Darby Berhad, SP Setia Berhad, I&P Group Sdn Berhad, PNB Development Sdn Bhd, PNB Commercial Sdn Bhd, MIDF Property Berhad
- d. **Automotif** : UMW Holdings Berhad, Sime Darby Berhad, Perusahaan Otomotif Kedua Sdn Berhad
- e. **Farmaseutikal, Bahan Kimia & Baja** : Chemical Company of Malaysia Berhad
- f. **Infrakstruktur & Logistik** : Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd

### iii. **Meningkatkan pegangan hartaanah Bumiputera**

Dana terkumpul ini juga membolehkan PNB untuk menguasai pemilikan tanah untuk pembangunan hartaanah melebihi 35,000 ekar dan lebih 641 buah hartaanah dengan lebih 14.1 juta kaki persegi ruang sewaan di lokasi-lokasi strategik, antaranya:

**a. Bangunan pejabat :**

- i. Menara PNB, Menara MIDF, Menara Tun Ismail Mohd Ali, Bangunan MAS dan Bangunan Kenanga di pusat bandar Kuala Lumpur;
- ii. Menara I&P 1&2, Bangunan Setia 1&2 dan Bangunan PNB Damansara di Bukit Damansara;
- iii. Bangunan Santos Place di Brisbane, Australia; dan
- iv. Bangunan Milton and Shire, Bangunan One Exchange Square, Bangunan 90, High Holborn, Aviation House, UK dan PNB House UK di London, United Kingdom.

**b. Hospitaliti :**

- i. PNB Perdana Hotel & Suites On The Park, The Ascott dan Hotel Seri Petaling di Kuala Lumpur;
- ii. PNB Perdana Hotel & Suites di Kota Bahru, Kelantan;
- iii. Impian Morib Hotel di Morib, Selangor;
- iv. Ilham Resort di Port Dickson, Negeri Sembilan;
- v. Lanjut Golf & Beach Resort di Rompin, Pahang; dan
- vi. Kinrara Resort, Selangor.

**c. Kompleks membeli belah :**

- i. Plaza Pelangi, Pelangi Leisure Mall dan Perling Mall di Johor Bahru, Johor;
- ii. Tesco Kajang, Kajang, Selangor; dan
- iii. Mydin MITC, Ayer Keroh, Melaka.

**d. Perkilangan/Industri :**

- i. Pusat Data CX1, CX2 dan CX5 di Cyberjaya.

**iv. Perkongsian kekayaan korporat**

Hasil daripada pengurusan portfolio yang berhemah, strategik dan mantap, pelaburan PNB telah menjana pulangan yang boleh dibanggakan dan dapat dikongsi bersama dengan lebih 12 juta pemegang akaun di dalam tabung-tabung unit amanah PNB. Sejak pelancaran tabung amanah pertamanya pada tahun 1981 sehingga kini, PNB saban tahun tidak pernah gagal untuk mengisyiharkan pengagihan pendapatan dengan jumlah terkumpul melebihi RM144 billion. Untuk makluman, pada tahun

2015 sahaja, pengagihan pendapatan yang dibuat berjumlah lebih RM14 billion.

#### v. Pembangunan modal insan

Syarikat-syarikat terkemuka di bawah pegangan PNB juga telah berupaya menyediakan lebih 145,000 peluang pekerjaan dengan majoriti pekerja Bumiputera. Syarikat-syarikat tersebut juga diterajui oleh pengurusan kanan dan ahli Lembaga Pengarah yang majoritinya terdiri daripada golongan Bumiputera.

PNB juga membangunkan tenaga kerja profesional di dalam pengurusan pelaburan dengan jumlah pemegang lesen wakil perkhidmatan pasaran modal (CMSRL) yang paling ramai, iaitu 139 orang, 626 pemegang kelayakan *Federation of Investment Managers Malaysia License (FIMM)*, 19 orang pemegang kelayakan *Chartered Financial Analyst (CFA)* dan 11 orang pemegang kelayakan *Financial Risk Manager (FRM)*.

Selain itu, PNB juga turut melaksanakan program pembangunan modal insan, antaranya seperti program biasiswa dalam dan luar negara di mana lebih 1,300 biasiswa telah dianugerahkan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM sejak 1996 dan

Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) di mana lebih 2,000 tempat telah ditawarkan dan lebih 600 peserta telah menjalani latihan.

#### **vi. Pelaksanaan initiatif khas Kerajaan**

PNB telah melaksanakan inisiatif khas Kerajaan yang telah memberi manfaat kepada lebih 276,000 golongan berpendapatan rendah yang majoritinya adalah Bumiputera seperti berikut:

- a. **Program ASB-PPRT** : 164,253 peserta melibatkan peruntukan berjumlah RM821.3 juta sejak tahun 1992
- b. **Program ASB-Sejahtera** : 5,930 peserta melibatkan peruntukan berjumlah RM55 juta sejak tahun 2003
- c. **Program ASW 2020 - Bandar** : 6,095 peserta melibatkan peruntukan berjumlah RM100 juta sejak tahun 2009

**d. Skim Amanah Rakyat 1Malaysia : 100,000 peserta melibatkan peruntukan berjumlah RM800 juta sejak tahun 2012**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, tidak terdapat perancangan untuk menubuhkan institusi pelaburan yang baharu memandangkan kewujudan institusi-institusi pelaburan sedia ada seperti PNB, Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Pelaburan Hartanah Berhad dan lain-lain institusi pelaburan termasuklah koperasi-koperasi yang telah ditubuhkan adalah mencukupi untuk memastikan kedudukan ekonomi rakyat berkembang. Walau bagaimanapun, penubuhan institusi pelaburan yang baharu akan dikaji berdasarkan kepada keperluan dan dasar semasa Kerajaan.

**SULIT**

**SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON EBIN  
[ RANAU ]**

**SOALAN : 6**

**YB Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapa ramaikah kakitangan awam dari negeri Sabah yang berkhidmat dalam jawatan peringkat tertinggi Kerajaan, misalnya KSU (Ketua Setiausaha Kementerian), TKSU (Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian) dan Ketua Pengarah, dalam perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan; dan
  
- (b) langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan lagi bilangan ini.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 23 Februari 2016, terdapat seramai 16 orang pegawai awam dari negeri Sabah yang sedang berkhidmat di jawatan kumpulan pengurusan tertinggi yang melibatkan seorang KSU (Ketua Setiausaha Kementerian), Timbalan Ketua Pengarah, Setiausaha Bahagian, Pengarah dan jawatan yang setaraf JUSA C dan ke atas di peringkat Persekutuan.

Kenaikan pangkat dan pengisian jawatan penting di peringkat pengurusan tertinggi dan strategik yang terhad seperti JUSA merupakan suatu pengiktirafan yang tinggi di kalangan penjawat awam. Selaras dengan itu, proses pemilihan dan perakuan pegawai dibuat mengambil kira pelbagai faktor meliputi kelayakan, merit, prestasi, kompetensi, daya kepimpinan, pengalaman, kekananan, integriti dan kesesuaian. Hanya pegawai yang benar-benar layak dan tersaring sahaja akan diperakukan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut.

Secara amalannya, pertimbangan yang sama rata diberikan untuk semua penjawat awam dalam proses pemilihan mengikut kelayakan jawatan. Walau bagaimanapun, pertimbangan keutamaan kepada orang Sabah akan diberi bagi pengisian-pengisian di Jabatan-jabatan

**SULIT**

Persekutuan di Negeri Sabah, dengan syarat pegawai memenuhi kriteria pemilihan yang dinyatakan.

**Sekian. Terima kasih.**